

22 MAY 1997

Law-MSC

PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN MSC SIAP DALAM MASA DUA BULAN

SANTUBONG, 22 Mei (Bernama) -- Program berkaitan dengan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) di Koridor Raya Multimedia (MSC) akan disiapkan dalam jangkamasa dua bulan lagi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Deng.

Beliau berkata, program itu antara lain akan mengenal pasti negara-negara yang mempunyai institusi menjalani R&D berkaitan dengan MSC.

"Program itu hampir selesai dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nanti," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek pembinaan makmal baru Jabatan Kimia di sini hari ini.

Law berkata, kementeriannya, yang telah dipertanggungjawab bagi sektor R&D bagi meningkatkan lagi kemampuan MSC, masih mendapatkan maklumat menerusi kedutaan dan suruhanjaya tinggi mengenai saintis negara yang bekerja di luar negara.

Beliau berkata, setakat ini kerajaan sedang dalam proses mengambil 22 saintis -- 20 saintis luar negara manakala dua dari Malaysia.

Beliau berkata, kemampuan kapasiti makmal di negara ini akan ditingkatkan selaras dengan iklim ekonomi negara, alam sekitar dan taraf kesihatan.

Menurutnya, RM130 juta diperuntukkan bagi projek pembinaan makmal dengan ibupejabat melibatkan perbelanjaan sebanyak RM40 juta hingga RM50 juta dan selebihnya untuk cawangan di Sarawak, Sabah, Perak dan Melaka.

-- BERNAMA

RDY AHH